

PM dahului senarai penerima darjah kebesaran Melaka

Oleh [Amir Mamat](#) - Ogos 24, 2022 @ 10:00am
bhnews@bh.com.my



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dikurniakan gelaran Darjah Utama Negeri Melaka (DUNM) yang membawa gelaran Datuk Seri Utama, pada istiadat yang berlangsung di Dewan Istiadat, Seri Negeri di Ayer Keroh, Melaka. - Foto fail BERNAMA

AYER KEROH: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mendahului senarai 883 penerima darjah, bintang dan pingat kebesaran Melaka sempena Sambutan Hari Jadi ke-73 Yang di-Pertua Negeri, Tun Mohd Ali Mohd Rustam, hari ini.

Ismail Sabri dikurniakan gelaran Darjah Utama Negeri Melaka (DUNM) yang membawa gelaran Datuk Seri Utama, pada istiadat yang berlangsung di Dewan Istiadat, Seri Negeri di sini.

Turut tersenarai sebagai penerima ini ialah Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay yang dianugerahkan Darjah Gemilang Seri Melaka (DGSM) membawa gelaran Datuk Seri.

Selain itu, Pengarah Pengurusan Bukit Aman, Datuk Zaini Jass; Setiausaha Politik Presiden UMNO, Datuk Abdul Halim Muhammad dan Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Baharin Din, masing-masing akan menerima Darjah Cemerlang Seri Melaka (DCSM) membawa gelaran Datuk Wira.

Penyanyi utama Search, Amy atau nama sebenarnya Suhaimi Abdul Rahman juga menerima Darjah Pangkuan Seri Melaka (DPSM) vana membawa aelaran Datuk.